



PEGAWAI KPDNHEP meneliti jersi tiruan yang dirampas di sebuah pusat beli-belah di Lorong Haji Taib, semalam.



JERSEI dan jam tangan tiruan yang dirampas.

# Untung ganda kali ganda

*Tiga stor jersi bola tiruan bernilai RM664,000 diserbu*

Nurul Hidayah Bahaudin  
 nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**M**ampu mengaut keuntungan antara satu hingga empat kali ganda dengan menjual jersi pasukan bola sepak ternama tiruan kepada pelanggan. Bagaimanapun, kelicikan peniaga yang menjalankan aktiviti itu sejak setahun lalu berakhir apabila tiga stor

Lumpur dan Selangor turut disertai pemilik cap dagang berdaftar. Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Pencegahan) KPDNHEP Suhaimi Mat Sari berkata, pemeriksaan terhadap tiga premis berkenaan merampas 13,203 jersi dan jam tangan tiruan dianggarkan bernilai RM664,000. Operasi membatalkan se-pasukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan (KPDNHEP) Kuala

wanita, dan seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang bekerja sebagai penjaga premis untuk memban-tu siasatan. "Siasatan mendapati pre-mis berkenaan dijadikan stor barangan tiruan sejak setahun lalu. "Sindiket itu dipercayai mengaut keuntungan berkali ganda hasil jualan jersi terbabit pada harga RM50 berbanding harga asal iaitu sekitar lebih RM100 hingga RM300," katanya. Katanya, bekalan barangan tiruan itu dipercayai diperolehi dari negara jiran untuk pasaran di sekitar Lembah Klang. "Kes itu diistiasat mengikut Seksyen 8 (2) Akta Perihal

Dagangan 2011," katanya. Sementara itu, Suhaimi berkata, 103 kes mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 direkodkan KPDNHEP di ibu negara dari Januari lalu hingga semalam. "Setakat ini, 31 individu ditahan membatalkan lapan warga tempatan dan 23 warga asing. "Daripada 103 kes direkodkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, 74,990 unit barangan disita bernilai RM2,637,182," katanya. Katanya, pihak KPDNHEP memberi amaran keras kepada mana-mana individu atau syarikat supaya tidak melanggar undang-undang dengan menjual produk ti-ruan.